



PROGRAM sebegini berupaya mencungkil bakat baru untuk diketengahkan di peringkat kejohanan antarabangsa.

aktiviti

Belajar seni Poomsae Kukkiwon

Pusat Sukan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sedang mencari jaguh taekwondo yang boleh menjadi juara dunia.

BIDALAN ada mengatakan, kalau hendak melentur buluh, biar daripada rebungunya. Maksudnya antara lain adalah, kalau hendak mendidik atau melakukan sesuatu, biarlah dimulakan sejak kecil.

Mengambil pedoman daripada bait-bait pepatah itu, Pusat Sukan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah mengorak pendekatan awal dalam mencari calon atlet taekwondo. Tujuannya hanya satu iaitu mahu para pelapis sukan itu menimba pengalaman sepenuhnya sebelum menggalas cabaran di kejohanan-kejohanan dunia.

Antara inisiatif pusat sukan tersebut adalah dengan menganjurkan Kursus Taekwondo Poomsae Kukkiwon seperti yang diadakan baru-baru ini.

Menurut Penyelaras Pusat Sukan Tumpuan (PST) Taekwondo Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan USIM, Nur Ekmal Buhary, kursus itu berjaya menarik seramai 60 peserta dari pelbagai universiti untuk menyertainya.

Katanya, kebanyakan peserta sudah mempunyai asas seni mempertahankan diri. Kursus itu juga dikendalikan sepenuhnya oleh jurulatih taekwondo ber taraf antarabangsa, Grand Master, Tony Wong Hee Kee, katanya.

"Kursus ini memfokuskan dan mengetengahkan konsep dan prinsip kemahiran seni bela diri Taekwondo Poomsae Kukkiwon," jelas beliau.



KUMPULAN peserta Kursus Taekwondo Poomsae Kukkiwon yang mengikuti kursus berkesempatan bergambar dengan para jurulatih.

Apa itu Poomsae Kukkiwon? Menerangkan secara terperinci, Nur Ekmal berkata, ia merupakan salah satu daripada cabang seni bela diri taekwondo yang menjurus kepada penguasaan daripada segi teknik dan seni pertahanan yang menggabungkan antara pergerakan, disiplin dan pernafasan.

Mendapat perhatian

Jelas Nur Ekmal, seni itu kini semakin menjadi perhatian kerana ia sudah pun mula dipertandingkan di semua peringkat pertandingan di dunia.

Antaranya adalah di Kejohanan Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (Mamus) 2010 dan di Kejohanan Sukan Universiti ASEAN di Thailand pada Disember lalu.

"Program ini disifatkan cukup bagus kerana berupaya mencungkil seberapa ramai atlet institut pengajian tinggi (IPT) yang berpotensi untuk digilap dan diasuh.

"Mereka yang akan menjadi pelapis kepada pasukan taekwondo negara," ujarnya.

Mengulas tentang perkembangan sukan mempertahankan diri itu di peringkat IPT, Nur Ekmal berkata, kebanyakan mereka mempunyai pelbagai aliran yang berbeza.

Justeru, melalui kursus yang dianjurkan selama tiga hari itu, diharap dapat menyatukan kesemua aliran demi pen-

capaian dan kejayaan negara.

Sementara itu, Setiausaha Bahagian Sukan KPT, Dr. Saharudin Ismail yang turut hadir pada hari pertama kursus berkata, pihaknya akan menganugerahkan insentif yang berupa Biasiswa Sukar KPT kepada atlet yang cemerlang dalam bidang ini.

"Ia bagi memastikan mereka memberikan persembahan terbaik dalam mana-mana kejohanan yang disertai. Saya percaya atlet-atlet ini kemudiannya akan meluaskan potensi mereka menjadi jurulatih pula," terangnya.

Bagi para pelajar yang telah menyertai kursus tersebut, mereka mengharapkan agar kursus seumpamanya akan diteruskan dan diadakan dengan lebih kerap.

Razlan Raquan, 22, pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkata, meskipun kursus itu dijalankan dalam tempoh masa yang pendek, banyak skil baru telah dapat dipelajarinya.

"Selain mengajarnya, saya menjadi lebih berdisiplin. Saya harap selepas ini saya akan lebih hebat di gelanggang," kata Syazlin Hanafi, 22, pula yang memegang tali pinggang hitam.

Barangkali selepas ini, ada kilauan emas dari sukan taekwondo dalam Kejohanan Sukan Universiti Dunia, Shenzhen, China dan Sukan Universiti Asean pada 2012 di Laos nanti. Siapa tahu?
- MAZLINA ABDUL MAJID



NUR EKMAL mahu menyatukan semua aliran taekwondo demi kejayaan negara.